

# Penjawat awam ejen perubahan nilai tadbir urus negara

**Wawasan Kemakmuran Bersama 2030** (WKB 2030) berlitzam memastikan Malaysia terus membangun secara mampan seiring pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah serta rantaian bekalan.

Ia suatu rangka tindakan komprehensif digariskan kerajaan yang jelas merentas kerjasama seluruh pihak.

Perkhidmatan awam selaku ejen perubahan paling penting, semestinya mempunyai tugas paling signifikan dalam hal ini.

Ik tabaran berat, sekali gus menuntut usaha dan penambahbaikan sistem nilai tadbir urus perkhidmatan awam di Malaysia.

Namun, penularan COVID-19 yang berpanjangan mengubah budaya kerja dan norma masyarakat. Lantaran itu, penerapan sistem nilai yang telus serta cekap menjadi harapan semua pihak supaya selari kemajuan ingin dicapai.

Realitinya, pegangan nilai dan pengamalan budaya berintegriti adalah teras kepada seluruh usaha ini. Agak ralat apabila Laporan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) oleh Transparency International (TI) 2020 menunjukkan Malaysia jatuh pada kedudukan ke-57 daripada 180 negara.

Ia wajar diambil perhatian. Malaysia memperoleh 51 daripada 100 mata dan merosot enam anak tangga berbanding tahun sebelumnya.

Menurut Presiden TI-Malaysia, kedudukan ini berkait rapat beberapa kes seperti skandal daging tidak halal, kes penyalahgunaan kuasa dan rasuah penjawat awam, kemas kini kes berprofil tinggi di mahkamah, di samping capaian terhad kepada maklumat terkait kepentingan awam serta status kerajaan yang belum membentangkan Rang Undang-Undang Perolehan Awam.

Lantas, keutamaan harus diberi kepada usaha menambah baik sistem nilai tadbir urus pada semua peringkat bidang kuasa kerajaan.

Struktur kerajaan memerlukan doktrin nilai 'semak-imbang' yang jelas antara kuasa eksekutif, perundangan serta kehakiman. Ia nilai asas dengan pengasingan kuasa teras penting pelaksanaan ini.

Melaluiinya, institusi di sektor awam dapat dipastikan lebih terdidik, tersusun dan dikendalikan dengan nilai tadbir urus baik, pelaksanaan kuasa yang telus serta bertanggungjawab.

Usaha menambah baik juga perlu dilihat dari aspek hubungan dan koordinasi antara penjawat awam pada peringkat Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Hubungan baik antara semua pering-

kat kerajaan ini harus dipromosi sebaiknya dan diikat dengan semangat federalisme. Ketua pentadbiran pada peringkat tertinggi harus mengambil peranan ini, di samping sokongan sistem politik.

Meningkatkan integriti dan akauntabiliti dalam kalangan penjawat awam semestinya menjadi usaha berterusan. Perlu diakui, penjawat awam paling berisiko terhadap rasuah khususnya yang terbabit pelaksanaan keputusan dan perolehan kerajaan.

Penting untuk mengembalikan semula keyakinan rakyat terhadap pentadbiran sektor awam.

Sehubungan itu Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 diusahakan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) serta Institut Integriti Malaysia (IIM) harus terus diwujudkan.

Memupuk nilai murni serta amalan kerja beretika bersih, cekap dan amanah perlu diterap setiap masa. Ia cerminan harapan semua pihak dalam membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti, di samping tindakan bersifat punitif.

Harus diingat, rasuah bukan sekadar kesalahannya undang-undang, tetapi kesalahannya sosial dan peradaban yang menjaskannya imej sektor awam seluruhnya.

Sudah tiba masa persijilan MS ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Anterasuah (ABMS) diimplementasi secara mutlak di semua sektor awam. Persijilan bertaraf antarabangsa ini bertujuan mewujudkan rangka kerja korporat mencegah, mengesan dan menyiasat kes berkaitan rasuah.

ABMS diharap menjadi alat ukur berkesan kepada liabiliti syarikat, kepatutan kepada peraturan, kawalan peng-

kurian dan komitmen kepada integriti.

Kajian keberkesanannya dijalankan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP), SIRIM dan IIM mendapat jumlah aduan berkaitan aktiviti rasuah dalam organisasi meningkat 50 peratus dengan adanya ABMS.

Maksudnya, kakitangan dalam organisasi lebih berani melaporkan isu berkenaan rasuah dengan adanya ABMS.

Ia suatu pencapaian penting memandangkan hasrat memperkuatkuhan dan menyempurnakan penyampaian perkhidmatan awam adalah matlamat akhir semua pihak.

Pada era pandemik COVID-19, sektor awam benar-benar diharap menjadi pemudah cara kepada pelbagai inisiatif kerajaan seperti Pelan Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Ne-

gara (PENJANA).

Untuk itu, menguasai perkembangan teknologi menjadi satu kemestian. Mendorong penyampaian perkhidmatan awam adalah satu bentuk pelaksanaan usaha dan kemahiran yang perlu diuasai setiap penjawat awam.

Teknik automasi perlu diperkemasan, sekali gus mengekalkan perkhidmatan cekap, cepat dan berkesan kepada rakyat.

Semua ini harus dilakukan dengan betul dan kompeten untuk memperkuatkuhan sistem nilai tadbir urus yang telus serta berintegriti.

Akhir sekali, mengurus perubahan bukan sekadar melaksanakan norma baru. Ia berkait pendekatan spesifik sektor awam dan penjawatnya untuk sama-sama mengubah sistem nilai tadbir urus sedia ada supaya sentiasa berubah secara dinamik bagi mencapai matlamat ditetapkan.

Sistem nilai tadbir urus sektor awam harus direformasi dan berintegriti sepenuhnya.

Pembabitan bersungguh-sungguh serta pemulihargaiawab penjawat awam sangat diharapkan sebagai pendukung untuk menerapkan sistem nilai telus, cekap dan berintegriti.

Hanya dengan perubahan sistem nilai tadbir urus, maka kelestarian hidup rakyat terus terpelihara.

Ini sekali gus menyumbang kepada objektif WKB 2030 iaitu pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta negara bersatu, makmur dan bermaruah.

**Meningkatkan integriti dan akauntabiliti dalam kalangan penjawat awam semestinya menjadi usaha berterusan. Perlu diakui, penjawat awam paling berisiko terhadap rasuah khususnya yang terbabit pelaksanaan keputusan dan perolehan kerajaan.**

**Penulis adalah Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

